

Piala Cabaran sulung milik TFC II

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA
SUHAIMI

SKUAD Terengganu FC II (TFC II) mencipta sejarah muncul pasukan pertama menjuang trofi Piala Cabaran selepas menewaskan UKM FC dengan keputusan agregat 4-2 pada aksi final yang berlangsung di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu malam tadi.

Penyerang sensasi TFC II, Akanni Sunday-Wasiu muncul wira buat pasukan Liga Premier itu selepas meledak dua gol pada final kedua yang berkesudahan 2-0 selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2 pada aksi final pertama di Stadium Shah Alam minggu lalu.

Pada perlawanan yang berlangsung di hadapan lebih 5,000 penyokong itu, UKM FC dilihat lebih bersemangat untuk mencari gol di tempat lawan apabila meraih beberapa peluang



awal menerusi percubaan pemain sayap, Mohd. Irwan Syazmin Wahab.

Pemain import *The Varsity Boys* dari Korea Selatan, Nam Se-in turut memiliki peluang pada minit ke-15, namun rembatan hasil gerakan solonya mudah diselamatkan penjaga gol, Mohd. Syamirza Yusoff.

Pasukan pelawat akhirnya tergamam apabila gerakan trio import TFC II terdiri daripada Bruno Suzuki, Andrew Anderson dan Sunday berjaya menghasilkan jaringan pada minit ke-22.

Bersambung babak kedua, TFC II berjaya mengandakan jaringan selepas Anderson bijak melakukan

umpanan buat Sunday sekali lagi menewaskan penjaga gol UKM FC, Muhd. Nor Haziq Aris pada minit ke-54.

Kedua-dua pasukan saling berbalas serangan dan TFC II hampir menambah gol ketiga tetapi Suzuki gagal menyudahkan hantaran Sunday untuk memastikan keputusan 2-0 kekal sehingga tamat perlawanan.

Keputusan itu memastikan TFC II yang dikendalikan oleh bekas pemain kebangsaan, Tengku Hazman Raja Hassan mampu terseenyum apabila menjulang salah satu trofi utama negara selepas tersingkir daripada kancah Liga Premier susulan menduduki tangga tercorot musim ini.

Piala Cabaran diperkenalkan buat julung-julung kali oleh Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) bagi memastikan pasukan yang gagal layak ke Piala Malaysia tahun ini dapat mengharungi perlawanan kompetitif sehingga penghujung musim.



PARA pemain dan pegawai TFC II meraikan kejayaan menjulang Piala Cabaran selepas menewaskan UKM FC pada aksi final kedua di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu malam tadi.